

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NEGARA

KOSMO 24/2/25 M16 14 Negara

KKM arah Shopee, TikTok hentikan iklan

- **MCMC pantau penjualan gula-gula kenyal 'gummy'**
- **PKD seluruh negara diminta laksana penguatkuasaan**

Oleh NUR AMALINA AZMAN

LANGKAWI – Kementerian Kesihatan (KKM) telah mengarahkan platform jualan secara dalam talian untuk menghentikan penjualan gula-gula kenyal 'gummy' yang telah meragut nyawa seorang kanak-kanak lelaki, baru-baru ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, KKM bekerjasama rapat dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bagi menghentikan penjualan tersebut di platform online.

"Pagi ini (semalam) kita telah



arahkan Shopee dan TikTok untuk menurunkan iklan yang menjual gula-gula 'gummy' itu.

"Kita juga telah mengarahkan PKD (Pejabat Kesihatan Daerah) seluruh negara untuk melakukan penguatkuasaan di premis fizikal dan merampas produk yang masih dijual," katanya selepas merasmikan Majlis Peluncuran 1,000 Hari Pertama Kehidupan: Kajian Longitudinal di Langkawi (LLS) dan Sistem Pengurusan Data Klinik Berasaskan Awan (CCMS), di sini semalam.

Sebelum ini, KKM menyatakan gula-gula 'gummy' yang dijual

tersebut menyalahi keperluan pelabelan yang diperuntukkan di bawah Peraturan-Peraturan Makanan 1985 Akta Makanan 1983.

KKM turut memaklumkan, pihaknya tidak mengawal bentuk atau saiz sesuatu makanan di bawah peraturan tersebut kecuali bagi konfeksi jeli terkawal dengan saiz dan bentuk yang berdiameter kurang atau sama dengan 45 milimeter.

Jelasnya, produk tersebut perlu dilabelkan dengan 'Amaran: Boleh menyebabkan risiko tercekik' dan perkataan tidak sesuai bagi kanak-kanak di bawah usia tiga tahun.

Kosmo! melaporkan, Mohamad Fahmi Hafiz Mohammad Fakhruddin, 10, dibawa ke hospital selepas kiritikal apabila tercekik gula-gula kenyal 'gummy' berbentuk mata pada Selasa lalu.

Kanak-kanak itu kemudiannya dilaporkan meninggal dunia kira-kira pukul 11 malam pada Khamis lalu.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : DALAM NEGERI

Hentikan iklan gula-gula *gummy* dalam talian

Oleh NUR AMALINA AZMAN
utusannews@mediamulia.com.my

LANGKAWI: Kementerian Kesihatan (KKM) mengarahkan platform jualan dalam talian menghentikan penjualan gula-gula kenyal yang menyebabkan kematian seorang budak lelaki baru-baru ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, berkata pihaknya bekerjasama rapat dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) untuk memastikan pengiklanan gula-gula jenis *gummy* tersebut dihentikan.

“Kita mengarahkan platform e-dagang seperti Shopee dan TikTok untuk menurunkan iklan yang mempromosikan gula-gula tersebut.

“Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) seluruh negara turut diarahkan melaksanakan penguatkuasaan di premis fizikal dan merampas produk yang masih dijual,” katanya selepas merasmikan Majlis Peluncuran 1,000 Hari Pertama Kehidupan: Kajian Longitudinal di Langkawi (LLS) dan



DR. DZULKEFLY Ahmad mendengar penerangan mengenai Sistem Pengurusan Data Klinik Berasaskan Awan (CCMS) di Langkawi, semalam.

Sistem Pengurusan Data Klinik Berasaskan Awan (CCMS) di sini, semalam.

KKM baru-baru ini mengeluarkan kenyataan gula-gula *gummy* dijual tidak memenuhi keperluan pelabelan mengikut Peraturan-Peraturan Makanan 1985, Akta Makanan 1983.

Kenyataan itu memaklumkan KKM tidak mengawal bentuk atau saiz sesuatu makanan di bawah peraturan tersebut kecuali bagi ‘konfeksi jeli terkawal’ dengan saiz dan bentuk yang berdiameter kurang atau sama dengan 45 milimeter.

Produk ini perlu dilabelkan dengan amaran “BOLEH MENYEBABKAN RISIKO TERCEKIK” dan peringatan “TIDAK SESUAI BAGI KANAK-KANAK DI BAWAH UMUR 3 TAHUN”.

Langkah ini bertujuan untuk melindungi keselamatan kanak-kanak daripada risiko bahaya yang boleh berlaku akibat produk tersebut.

Baru-baru ini, seorang murid di Pulau Pinang, Mohamad Fahmi Hafiz Mohammad Fakhrudin, 10, meninggal dunia akibat tercekik gula-gula *gummy* berbentuk mata.

Dalam kejadian pukul 2.30 petang Selasa minggu lalu, mangsa dikatakan telah membeli dua biji gula-gula *gummy* di sebuah gerai sebelum sesi persekolahan Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di sebuah sekolah kebangsaan (SK) di Sungai Dua, Butterworth.

Mangsa dilaporkan tercekik semasa menikmati makanan ringan itu dan mengalami kesukaran untuk bernafas namun sempat berjalan ke arah gurunya sebelum rebah secara tiba-tiba.

7/2/25 Isnin utusan Waha m/s 3. Dim Uqah

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NASIONAL



Lukanisman melawat reruai Kelab Doktor Muda selepas merasmikan Kembara Sihat Sejahtera HePiLI Bersama Didi & Friends Zon Sabah di Kota Kinabalu, semalam. (Foto Mohd Adam Arinin/BH/S)

24/2/25 Isnin BH M/S 15 Nasional

65.6 peratus cecair vape dirampas ada dadah

Kota Kinabalu: Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan sebanyak 65.6 peratus cecair vape yang dirampas pada 2023 dan 2024 mengandungi dadah berbahaya.

Timbalan Menteri, Datuk Lukanisman Awang Sauni, berkata berdasar laporan analisis kimia dijalankan, antara jenis dadah dikesan dalam cecair vape seperti Butinaca, MDMA-4en-PINACA dan MDMA.

"Setakat ini, tiada pengesanan dadah jenis Psilocybin di dalam cecair vape yang dirampas pihak polis," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kembara Sihat Sejahtera HePiLI Bersama Didi & Friends Zon Sabah di pu-

sat beli-belah Suria Sabah di sini, semalam.

Psilocybin sebahagian daripada kumpulan ubat dipanggil psychedelics atau halusinogen, yang mana ia dikaitkan dengan penyalahgunaan perisa 'Magic Mushroom' dalam cecair vape.

32 kertas siasatan dibuka

Dalam pada itu, Lukanisman memaklumkan sejumlah 32 kertas siasatan terkini dibuka berkaitan kes cecair vape di seluruh negara.

"Setakat September 2024 pula, 90 kertas siasatan sudah dibuka bagi kes sama," katanya.

Ditanya mengenai isu 'Magic

Mushroom', Lukanisman menyatakan pihaknya akan bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) selain Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPD-NHEP) bagi menjalankan penguatkuasaan lebih kerap.

"Kita mahu pihak media memainkan peranan membuat penulisan berita memberi fokus lebih komprehensif berkenaan penjualan cecair vape ini," katanya.

"Ini kerana kadang-kadang Kementerian tidak dapat melaksanakan penguatkuasaan lebih spesifik tanpa maklumat yang jelas," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NASIONAL

Langkawi dipilih lokality kajian kanak-kanak bantut

Pelaksanaan dalam tempoh 3 tahun bermula bulan depan

Oleh Hamzah Osman
bhnews@bh.com.my

Langkawi: Kementerian Kesihatan (KKM) melancarkan kajian 1,000 Hari Pertama Kehidupan: Kajian Longitudinal di Langkawi (LLS) bagi mengenal pasti faktor tumbesaran terbantut dalam kalangan kanak-kanak.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata kajian itu akan dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun bermula Mac ini, dengan keseluruhan Langkawi dipilih sebagai lokality dan ibu mengandung sebagai persampelan.

"Kajian malpemakanan ini dikendalikan Institut Kesihatan Umum dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Langkawi dan Hospital Sultanah Maliha (HSM) bermula daripada awal kehamilan hingga kanak-kanak berusia dua tahun.

"Data dikumpulkan menerusi 11 sesi, tiga sesi semasa hamil, kelahiran (satu sesi) dan pasca kelahiran hingga bayi berusia dua tahun (tujuh sesi)," katanya pada



Dr Dzulkefly melawat pameran selepas melancarkan kajian 1,000 Hari Pertama Kehidupan: Kajian Longitudinal di Langkawi dan CCMS di Langkawi, semalam. Turut kelihatan Suriani (kanan). (Foto Hamzah Osman/BH)

sidang media selepas melancarkan LLS dan Sistem Pengurusan Data Klinik Berasaskan Awan (CCMS) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha KKM, Datuk Seri Suriani Ahmad dan Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan.

Sasaran klinik ada CCMS

Dr Dzulkefly berkata, LLS penting kerana data menunjukkan 21.2 peratus kanak-kanak bawah lima tahun mengalami tumbesa-

ran terbantut pada 2022, sekali gus meningkat ketara berbanding 16.6 peratus pada 2011.

Katanya, terdapat 100 klinik kesihatan di seluruh negara akan dilengkapi sistem CCMS menjelang 2025, iaitu satu inisiatif KKM mempertingkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.

"Bagi Langkawi, sebanyak 13 fasiliti kesihatan dilengkapi dengan sistem ini, merangkumi enam klinik kesihatan dan klinik desa (tujuh), manakala simulasi pelaksanaannya sudah dilaksana-

kan pada awal bulan ini," katanya.

Selain itu, katanya, HSM dilengkapi Sistem Maklumat Hospital (HIS) antara langkah strategik diperkenalkan KKM bagi menangani beban pesakit yang terlalu ramai di hospital dan meningkatkan kecekapan rawatan.

"Ia memudahkan perkongsian maklumat pesakit antara fasiliti kesihatan yang terdapat di seluruh pulau ini, malah ia turut memudahkan proses rawatan pesakit yang dihantar ke mana-mana hospital di tanah besar," katanya.